

SIARAN AKHBAR

Untuk Hebahan Segera

500 KANAK-KANAK MANGSA BANJIR TERIMA SUMBANGAN BERUPA KIT PERMULAAN PERSEKOLAHAN

Salah satu inisiatif daripada projek tanggungjawab korporat sosial Great Eastern Life ChildrenCare

Kuala Lumpur – Great Eastern Life Assurance Malaysia Berhad melalui projek tanggungjawab sosial korporat ChildrenCare menghulurkan bantuan kepada 500 orang kanak-kanak mangsa banjir dengan menyumbang kit permulaan persekolahan seperti beg sekolah dan alat tulis serta barangan makanan. Sumbangan tersebut telah diedarkan kepada kanak-kanak di beberapa daerah di Kelantan termasuk Kuala Krai, Gua Musang, Manik Urai, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah dan Kota Bharu.

Usaha ini adalah bersempena dengan Misi Apresiasi Pasca Banjir Pengurusan Tertinggi Jabatan Kebajikan Masyarakat (MAP-13). MAP-13 merupakan misi yang disertai oleh kesemua Pengurusan Tertinggi dari 13 buah Bahagian di JKM yang bertujuan untuk memberi sumbangan dan juga penghargaan kepada pegawai-pegawai JKM yang telah menjadi mangsa bencana banjir namun tetap menjalankan tugas mereka dalam menguruskan bencana tersebut.

Majlis penyampaian sumbangan telah diadakan minggu lalu di Rumah Sri Kenangan (RSK) Kemumin, Pengkalan Chepa dengan kehadiran YBhg Dato Norani Hj Mohd Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Encik Radzuan bin Abu Bakar, Pengurus Pembangunan Perniagaan, cawangan Kota Bharu selaku wakil Great Eastern Life.

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life, Dato Koh Yaw Hui, turut meluahkan simpati beliau terhadap mangsa-mangsa banjir terutamanya kanak-kanak. “Kami memahami kesukaran ibu bapa untuk menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak dalam menghadapi musibah banjir yang melanda beberapa negeri baru-baru ini. Justeru, kami berharap sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan beban ibu bapa dan seterusnya memberi peluang kepada kanak-kanak ini meneruskan sesi persekolahan dengan semangat yang jitu.”

Tambah beliau lagi, “Sumbangan ini adalah salah satu antara inisiatif-inisiatif lain hasil kerjasama Great Eastern Life ChildrenCare dan JKM dalam usaha mendekati dan membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik di seluruh negara bagi menemui potensi sebenar mereka sejajar dengan aspirasi ChildrenCare yang memberi tumpuan kepada tiga teras utama iaitu Pendidikan, Kesihatan dan Kesejahteraan serta Pembangunan Peribadi.” Bantuan ini juga adalah hasil kutipan dana daripada kakitangan Great Eastern Life di mana kami sentiasa mengalu-alukan sumbangan mereka untuk berbakti kepada komuniti.

<Tamat>

TENTANG CHILDRENCARE

Dilancarkan pada tahun 1995, ChildrenCare adalah inisiatif untuk memupuk semangat prihatin dan perkongsian dikalangan kakitangan dan kumpulan agensi. Sejajar dengan penjenamaan baharu Great Eastern Life sebagai sebuah Syarikat yang menerajui Kehidupan, ChildrenCare memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu pendidikan, kesihatan dan pembangunan peribadi bagi membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Kami sentiasa bekerjasama dengan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk melaksanakan program-program kebajikan bagi menangani serta mengurangkan kesulitan yang dilalui oleh kanak-kanak setiap hari.

Setiap tahun, kakitangan dan kumpulan agensi bekerjasama melalui kempen kutipan derma awam dan acara kemasyarakatan untuk mengumpul dana bagi Great Eastern Life ChildrenCare. Sepanjang 20 tahun penubuhan, lebih dari RM2.0 juta telah disumbangkan kepada lebih daripada 180 rumah kebajikan kanak-kanak di seluruh Malaysia bagi membantu kanak-kanak ini mencapai perubahan yang hebat dan berkekalan dalam hidup. Selain daripada kutipan derma dan melakukan sumbangan, Great Eastern Life ChildrenCare juga disokong oleh sukarelawan “I-Pledge” yang terdiri daripada kakitangan Great Eastern yang secara sukarela meluangkan waktu lapang mereka demi menjayakan aktiviti-aktiviti amal ChildrenCare bagi mendekati serta memberi inspirasi kanak-kanak yang kurang bernasib baik

Bertumpukan kepada tiga aspek utama, aktiviti-aktiviti tersebut bukan hanya diadakan untuk sesuatu yang penuh keseronokan malah mempunyai elemen-elemen motivasi dan inspirasi. Kami telah mengadakan aktiviti-aktiviti seperti ‘Program Aspirasi Gemilang A’, ‘ChildrenCare Junior Chef: Eat Healthy, Be Happy’, ‘ChildrenCare Camp with Children of Aborigines’, ‘Fun and Easy Learning English’, ‘ChildrenCare Arts and Crafts Day’ dan banyak lagi.

Untuk maklumat lanjut mengenai ChildrenCare, sila hubungi Talian ChildrenCare di +603 4259 8878.

TENTANG GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Great Eastern telah memulakan operasinya pada tahun 1908 sebagai sebuah cawangan Great Eastern Life Assurance Company Limited. Operasi di Malaysia kemudiannya telah diperbadankan iaitu Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di bawah Skim Pemindahan Perniagaan. Syarikat telah dianugerahkan sebagai penerima “The Oldest and Largest Life Insurer” di Malaysia oleh ‘The Malaysia Book of Records’ pada tahun 1998.

Dengan hampir dari seabad pengalaman dan asas kewangan teguh, Great Eastern kini mempunyai aset berjumlah RM63.5 bilion, memiliki lebih dari 2.9 juta polisi berkuat kuasa dan 17,000 orang ejen di seluruh negara pada 31 Disember 2013. Hingga kini, Great Eastern mempunyai 21 cawangan dan antara produk-produk syarikat terdiri daripada pelan perlindungan insurans hayat, pelan berkait pelaburan, perlindungan pinjaman perumahan, perlindungan perniagaan, kebajikan pekerja, insurans perubatan dan skim faedah kesihatan berkumpulan. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Great Eastern Holdings Limited (GEH) dan syarikat induk iaitu Oversea-Chinese Banking Corporation Limited (OCBC).

TENTANG GREAT EASTERN HOLDINGS LIMITED

Great Eastern merupakan kumpulan insurans hayat yang tertua dan terkukuh di Singapura dan Malaysia. Dengan aset sebanyak \$60.9 bilion dan 4.0 juta pemegang polisi, ia mempunyai tiga saluran pengedaran yang berjaya – penggabungan agensi, bankasurans dan firma penasihat kewangan, Great Eastern Financial Advisers. Syarikat juga beroperasi di China, Indonesia, Vietnam, dan Brunei. Syarikat telah dianugerahkan sebagai Life Insurance Company of the Year di Asia Insurance Industry Awards pada tahun 2011 dan 2013 oleh Asia Insurance Review. Great Eastern Life Assurance Company Limited telah diberikan pengiktirafan kekukuhan kewangan dan penarafan kredit rakan niaga 'AA-' oleh Standard & Poor's, yang tertinggi di kalangan syarikat insurans hayat Asia sejak tahun 2010. Anak syarikat pengurusan aset Great Eastern, Lion Global Investors Limited adalah salah satu daripada syarikat swasta terbesar sektor pengurusan aset di Asia Tenggara.

Great Eastern adalah sebuah anak syarikat OCBC Bank, merupakan perkhidmatan kewangan kumpulan kedua terbesar di Asia Tenggara dari segi aset. Ia adalah salah satu bank pilihan tertinggi di dunia, dengan penarafan Aa1 dari Moody's. Ia juga disenaraikan oleh Pasaran Bloomberg sebagai bank paling kukuh di dunia pada tahun 2011 dan 2012. Pasaran utama Bank OCBC ialah Singapura, Malaysia, Indonesia, dan China. Ia mempunyai rangkaian lebih 450 cawangan dan pejabat perwakilan di 15 buah negara dan wilayah, termasuk lebih daripada 330 cawangan dan pejabat di Indonesia yang dikendalikan oleh anak syarikatnya iaitu Bank OCBC NISP.

Untuk keterangan lanjut, sila layari greateasternlife.com